

Headline	Filipina, Maldives guna pakai model TH		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	178,211
Page No	15	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	219 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,328
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,985



Filipina, Maldives guna pakai model TH

MEKAH 30 Jun - Filipina dan Maldives berminat menggunakan pakai model Lembaga Tabung Haji (TH) Malaysia di negara masing-masing, kata Ketua Pegawai Eksekutif TaHa Alam Sdn. Bhd. (TaHa Alam), Nik Joharris Nik Ahmad.

"Rakan kami di Filipina berminat mendapatkan maklumat lanjut mengenai pengurusan haji TH, terutama dalam pengendalian akses bagasi serta perkhidmatan katering dalam penerbangan untuk jemaah.

"Rakan kami di Republik Maldives pula berminat mempelajari model TH secara menyeluruh, dan kami mungkin memulakannya menerusi segmen latihan.

"Rakan kami di Singapura berminat menggunakan perkhidmatan akses bagasi kami," kata Nik Joharris, dan menambah TaHa Alam menyasarkan untuk menjalin perjanjian dengan ketiga-tiga negara itu bagi musim haji tahun ini.

Syarikat itu berkongsi pengalaman TH pada forum bertajuk 'Menggerakkan Simpanan dan Pengurusan Haji yang

Cekap - Pengalaman Malaysia' sempena Mesyuarat Tahunan IDB ke-39 di Jeddah minggu lepas. Forum itu membincangkan cabaran dan kejayaan model Tabung Haji serta potensi diguna pakai di negara lain, selain manfaat dan kesan limpahannya kepada ekonomi.

"Malangnya di beberapa negara, umat Islam terpaksa meninggalkan barangan peribadi dan atau meminjam wang yang banyak untuk membiayai ibadah haji mereka. Ini sebahagiannya disebabkan oleh kurang atau tiada instrumen simpanan patuh Syariah untuk mereka menyimpan secara sistematik untuk menunaikan tanggungjawab Haji sekali seumur hidup," kata Nik Joharris pada forum itu.

Beliau berkata, TaHa Alam menawarkan khidmat nasihat dan perundingan kepada negara yang berminat menggerakkan skim simpanan haji dan mengurus syarikat pengurusan haji.

"Berdasarkan kedudukan kepimpinan global pemegang saham kami (TH) dan dengan memanfaatkan teknologi terkini serta penambahbaikan operasi berterusan, kami boleh membantu banyak negara menggerakkan skim

simpanan haji dan mengurus syarikat pengurusan haji," katanya.

TaHa Alam ialah syarikat usaha sama milik Islamic Corporation for the Development of the Private Sector (ICD), cabang sektor swasta Kumpulan Islamic Development Bank (IDB) dan Theta Edge Bhd, anak syarikat TH. TH ialah institusi kewangan Islam utama di Malaysia, disokong oleh lebih RM41 bilion dana dan 50 tahun pengalaman dalam deposit, perkhidmatan, operasi dan pelaburan haji.

ICD menguasai 50 peratus kepentingan dalam TaHa Alam manakala TH menerusi Theta Edge memegang baki 50 peratus, kata Nik Joharris.

Beliau berkata, rekod baik dan konsisten TH mendapat perakuan dunia dan menjadi model ikutan perkhidmatan pengurusan kewangan dan pengurusan haji yang inovatif bagi kebanyakan negara Islam di dunia.

Perjanjian usaha sama antara TaHa Alam Sdn. Bhd. dan ICD dimeterai semasa Forum Pelaburan Malaysia-IDB Group yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 2012, untuk kerjasama dan promosi produk dan perkhidmatan berkaitan haji dan umrah di seluruh dunia. - **BERNAMA**

